

PM gesa rakyat terus perkukuh semangat perpaduan kaum

Anwar minta masyarakat tak terpengaruh golongan ekstremis

Oleh Muhammad Yusri Puzamik
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa masyarakat pelbagai lapisan tidak terpengaruh dengan golongan ekstremis, sebaliknya terus memperkukuh semangat perpaduan antara kaum di negara ini.

Gesaan itu dibuat Perdana Menteri selepas mengakui bimbang perkembangan di Eropah dan Amerika Syarikat (AS) dengan kelompok pelampau kanan dan ekstremis menentang golongan minoriti dan kaum asing.

Beliau juga menasihatkan masyarakat majmuk di negara ini mengekalkan keunikan di sebalik kepelbagaian kaum dan agama, selain perlu terus berwaspada dan tidak terpengaruh dengan sebarang naratif negatif.

"Biarpun orang luar pelik, tetapi inilah (kepelbagaian kaum dan agama) keunikan di Malaysia. Kita anggap ini (masyarakat majmuk meraikan pelbagai perayaan) sebagai perkara biasa. Inilah uniknya yang kita alami di negara ini.

"Jaga ini (perpaduan antara kaum). Ini yang perlu kita perkukuh dan pertahankan, dari zaman dulu... ibu bapa kita lagi. Kita melihat sambutan Hari Raya, Deepavali, Tahun Baharu Cina dan Krismas sebagai sebahagian daripada budaya.



Anwar bersama Dr Wan Azizah, Gobind dan Ramanan (kiri) pada sambutan Rumah Terbuka Deepavali MADANI di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

"Tidak rugi sedikitpun (jika pertahan perpaduan antara kaum), sebaliknya memberi banyak keuntungan kepada semua pihak," katanya ketika merasmikan sambutan Rumah Terbuka Deepavali MADANI bertemakan 'Cahaya MADANI, Sinar Perpaduan' anjuran Kementerian Digital dengan kerjasama Kementerian Perpaduan, sini semalam.

Selain Anwar yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, majlis turut disertai Menteri Digital, Gobind Singh Deo; Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil; Timbalan Menteri Perpaduan, K Saraswathy serta Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri R Ramanan.

Perdana Menteri berkata, semangat perpaduan adalah asas kepada keharmonian masyarakat majmuk dengan aspek itu tidak boleh diambil mudah.

Mengakui terdapat perbezaan antara kaum dan agama, beliau bagaimanapun meminta semua pihak bersatu-padu dan melakukan apa yang perlu untuk memelihara dan mempertahankan perpaduan.

"Bukan mudah mengemudi negara pelbagai kaum. Cakap lebih sikit (mengenai golongan) Bumiputera nanti kaum Cina kata apa, sebut projek tambahan untuk masyarakat India, orang Melayu pula kata sudah dipinggirkan.

"Naratif ini (dimainkan) dari kampung ke bandar dan Parlimen, semua dibangkitkan. Sebab

ini rakyat perlu lebih pintar, cerdas dan terdedah kepada maklumat.

"Ini disebutkan pencerahan. Demokrasi tidak bermakna kalau tiada usaha memberi penerangan kerana tarikan kaum lebih kuat daripada (beri) alasan (bagi setiap tindakan dilakukan kerajaan)," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut menasihatkan semua pihak tidak memanipulasi fakta berkaitan pemberian bantuan kerajaan, seolah-olah ia diagihkan secara tidak adil mengikut kaum.

Sebaliknya, beliau berkata, agihan pelbagai bantuan kerajaan dibuat berdasar keperluan sesama, bukannya secara semberono.

"Kalau peruntukan ke Pulau Pinang lebih sedikit, mulalah kita (kerajaan) diserang kerana (populasi) majoriti bukan Melayu. Kalau kita lihat Kelantan, Terengganu dan negeri lain pun dapat peruntukan agak besar.

"Kita beri peruntukan mengikut apa yang kita rasa perlu. Umumnya projek transit aliran ringan (LRT) Pulau Pinang, kita tambah peruntukan, mengapa dibesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTA-PP)? Kerana sudah terlalu sesak.

"Selain LTAPP, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) Pengkalan Chepa, Kelantan dan Lapangan Terbang Tawau, Sabah juga dibesarkan tetapi tidak jadi naratif, dikempen (alat serangan kepada kerajaan)," katanya.